

18 MAR 2003

Musa-Kabinet/I

MUSA AKAN Pengerusikan Mesyuarat Kabinet Sabah Esok

KOTA KINABALU, 18 Mac (Bernama) -- Menteri Kewangan Sabah Datuk Musa Aman yang dijadual mengangkat sumpah jawatan sebagai Ketua Menteri yang baru pada 28 Mac, akan mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet Sabah esok atas kapasiti beliau selaku Pemangku Ketua Menteri.

Menurut kenyataan ringkas yang dikeluarkan Bahagian Media dan Penerbitan Jabatan Ketua Menteri di sini hari ini, Musa juga dijadual mengadakan sidang media selepas mesyuarat Kabinet itu, dijadual bermula pukul 10 pagi di Wisma Innoprise.

"Anggota media dijemput menghadiri sidang media itu," menurut kenyataan itu.

Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat sedang bercuti sebelum tempoh perkhidmatannya selama dua penggal tamat pada 27 Mac.

Musa, 52, yang merupakan Pengerusi Perhubungan Umno Sabah Umno diumumkan sebagai Ketua Menteri yang baru oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Mac lepas.

Pelantikan Musa dilakukan di bawah sistem penggiliran yang diamalkan di Sabah selepas Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) pada 18 Mac, 1994.

Pemimpin pertama yang dilantik sebagai ketua menteri di bawah sistem penggiliran itu ialah Tun Sakaran Dandai dari Umno, yang memegang jawatan itu sehingga Disember 1994 dan diambil alih oleh Datuk Salleh Tun Said apabila Sakaran dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri.

Salleh digantikan oleh Datuk Yong Teck Lee yang mewakili masyarakat Cina yang kemudiannya digantikan oleh Tan Sri Bernard Dompok yang mewakili masyarakat bumiputera bukan Islam.

Dompok, bagaimanapun tewas dalam pilihan raya 1999 dan jawatan itu digilirkan kepada masyarakat bumiputera Islam melalui pelantikan Datuk Osu Sukam yang kemudiannya digantikan oleh Chong yang mewakili masyarakat Cina.

Sistem itu mengalami sedikit perubahan di bawah pimpinan Chong apabila diputuskan bahawa wakil Umno akan digilirkan berselang-seli antara wakil masyarakat Cina dan bumiputera bukan Islam bagi jawatan Ketua Menteri.

-- BERNAMA

NT RHM